

SJK(C) PEI HWA
BAHASA MELAYU (PEMAHAMAN) TAHUN 3
PENILAIAN 1

Nama: _____ ()

Markah : _____%






Kelas : 3 ()





Tarikh :()-03-2017

T/tangan Ibu bapa : _____

Bahagian A: (20%)

Soalan 1 hingga soalan 16: Bulatkan jawapan yang paling tepat.

1.	_____ sejenis haiwan mamalia. A. Tapir B. Ular C. Harimau	 Gambar Soalan 1
2.	Ai Fang suka makan _____ kerana rasanya manis. A. buah betik B. buah durian C. buah manggis	 Gambar Soalan 2
3.	Sang Buaya sering tertipu dengan kata-kata _____ yang bijak. A. Sang Todak B. Sang Kancil C. Sang Nuri	 Gambar Soalan 3
4.	Zamri menamakan kucingnya _____ kerana badannya yang berwarna putih. A. Si Hitam B. Si Putih C. Si Tompok	
5.	Encik Teck Sing membeli _____ renang untuk kedua-dua orang anaknya. A. senaman B. pakaian C. bacaan	 Gambar Soalan 5
6.	_____ kegemaran adik ialah ayam goreng. A. Makanan B. Lukisan C. Tanaman	 Gambar Soalan 6

7.	Terung di kebun sayur Kim Ho _____ ungu. A. bercadang B. berbuah C. berwarna	
8.	Penduduk hadir beramai-ramai di balai raya sebelum majlis _____. A. bergurau B. bermula C. berbual	
9.	"Selamat tinggal, _____. Saya akan menjaga diri baik-baik," kata Kalang kepada neneknya. A. ibu B. nenek C. kakak	
10.	" _____ Rajan, saya akan tunjukkan jalan ke pasar mini," kata Bavani kepada bapa saudaranya. A. Ayah B. Pak Cik C. Datuk	
11.	Buku cerita kanak-kanak ini _____. A. tinggi B. tebal C. nipis	 <p>Gambar Soalan 11</p>
12.	Encik Mahmud memandu kereta di jalan yang _____. A. lurus B. bengkok C. rendah	 <p>Gambar Soalan 12</p>
13.	Jam dinding di perpustakaan ini berbentuk _____. A. bulat B. segi empat C. segi tiga	 <p>Gambar Soalan 13</p>
14.	Belon yang ditiup oleh Haikal telah _____. A. mencabut B. melompat C. meletup	 <p>Gambar Soalan 14</p>
15.	Encik Ranjit _____ kad ucapan terima kasih kepada jirannya. A. mendapat B. menghantar C. mengangkat	
16.	Vinod _____ sisa-sisa makanan ke dalam tong sampah. A. membalut B. membasuh C. membuang	

Soalan 17 hingga soalan 20

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian pilih jawapan yang paling tepat berdasarkan petikan tersebut.

Wei Han dan keluarganya suka menanam pokok bunga. Di halaman rumah mereka terdapat pelbagai jenis pokok bunga. Mereka menanam pokok bunga raya, pokok bunga mawar dan juga pokok bunga melur.

Wei Han membantu ibunya mencabut rumput. Bapanya menyiram pokok bunga setiap pagi dan petang. Adik lelaki Wei Han pula membubuh baja pada pokok bunga. Pokok-pokok bunga itu sangat subur.

Jiran-jiran mereka memuji kecantikan halaman rumah Wei Han. Keluarga Wei Han berasa gembira. Dengan melakukan aktiviti menanam pokok bunga, mereka dapat mengeluarkan peluh. Badan mereka menjadi sihat.

17. Apakah aktiviti yang suka dilakukan oleh Wei Han dan keluarganya?

- A. Menanam sayur
- B. Menanam pokok buah
- C. Menanam pokok bunga

18. Apakah yang dilakukan oleh adik lelaki Wei Han?

- A. Mencabut rumput
- B. Menyiram pokok bunga
- C. Membubuh baja

19. Siapakah yang memuji halaman rumah Wei Han sungguh cantik?

- A. Kawan-kawan mereka
- B. Jiran-jiran mereka
- C. Saudara-mara mereka

20. Berikut adalah pokok-pokok bunga yang ditanam oleh keluarga Wei Han
kecuali _____.

- A. Pokok bunga melur
- B. Pokok bunga kekwa
- C. Pokok bunga mawar

Bahagian B:(30%)

Soalan 21

a) Tuliskan nilai murni yang betul berdasarkan pernyataan di bawah.(2%)

Tia menolong ibunya mencuci pinggan di dapur.

b) Lengkapkan jadual berdasarkan frasa yang diberi. (4%)

duit saku	balai raya	ikan kaloi	ruang tamu
-----------	------------	------------	------------

diftong	vokal berganding
1.	1.
2.	2.

Soalan 22

Tulis respons yang sesuai bagi dialog di bawah.(4%)

Shanti, bolehkah kamu tolong bawa buah limau itu?

(1) _____
_____.

Shanti

Selamat hari jadi, ayah.

(2) _____
_____.

Aina

Soalan 23


Isi tempat kosong berdasarkan perkataan yang diberi.(4%)

direndam	terkenal	menjamu	menziarahi
----------	----------	---------	------------

Kalang _____(1) saudaranya, Assan, di Sri Aman. Ibu Assan _____(2) Kalang buah-buahan tempatan Sarawak. Mereka makan buah dabai dan buah engkalak. Buah-buahan ini _____(3) di Sarawak. Sebelum dimakan, buah-buahan ini perlu _____(4) di dalam air suam lebih kurang 5 hingga 10 minit.

Soalan 24

(a) Tuliskan frasa yang tepat berdasarkan tulisan berangkai yang diberi.(2%)



(b) Bulatkan kata nama am hidup bukan manusia.(4%)

penadah sampah	memerang
pokok durian	pensel

Soalan 25

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan berdasarkan petikan tersebut.(10%)

Perpustakaan Awam Taman Harmoni telah mengadakan Program Bulan Membaca sepanjang bulan Julai.

Tujuan program itu adalah untuk memupuk minat membaca dalam kalangan penduduk. Majlis itu dirasmikan oleh Pengarah Pelajaran Negeri. Dalam ucapannya, beliau memuji amalan kerjasama penduduk yang bertungkus-lumus untuk menjayakan program itu.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pameran, kuiz bahasa dan pertandingan bercerita. Aktiviti-aktiviti ini memberikan faedah kepada penduduk, khususnya anak-anak yang masih bersekolah.

Ketua kampung Taman Harmoni berasa gembira. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Bulan Membaca.

1. Perpustakaan Awam Taman Harmoni telah mengadakan _____
_____ sepanjang bulan Julai.
(1%)

2. Apakah tujuan Program Bulan Membaca diadakan?

(2%)

3. Siapakah yang merasmikan majlis Program Bulan Membaca?

(2%)

4. Berdasarkan petikan, nyatakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang Program Bulan Membaca.

(a) _____ (1%)

(b) _____ (1%)

(c) _____ (1%)

5. Mengapakah ketua kampung Taman Harmoni berasa gembira?

(2%)

Disediakan oleh: Pn Jong Lee Foon

Disemak oleh: Cik Han Chien Hui